

Jerat sihir kontemporari

Menggunakan teknologi terkini, sihir boleh dilakukan kepada mangsanya

Oleh MOHD. SHAH CHE AHMAD

“DENGAN hanya menggunakan gambar yang dimuat turun menerusi laman sosial, seseorang individu itu boleh disihir walaupun berada berjauhan.” Itulah peringatan pengamal perubatan Islam, Dr. Mahyuddin Ismail mengulas kejadian sihir masa kini.

Beliau yang juga Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Pahang, berkata, semudah menggunakan peralatan teknologi, seseorang boleh mengenakan sihir terhadap mangsanya tanpa perlu bertemu.

Ia katanya, telah terbukti menerusi pelbagai kes yang ditemui ketika memberi rawatan kepada pesakit selain beberapa kejadian yang dihadapi oleh kenalanannya.

“Sihir bukan sahaja dilakukan secara

tradisional, malah pada masa kini dengan menggunakan peralatan moden seperti melalui laman sosial di Internet dan juga telefon bimbit juga ia boleh berlaku.

“Salah satu daripada kaedahnya adalah dengan menggunakan gambar yang diperoleh menerusi laman sosial untuk menyihir mangsa,” katanya ketika ditemui *Mega, Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan masyarakat agar berhati-hati dalam memuat naik gambar kerana dikhatirinya boleh mendatangkan kesan buruk terhadap diri sendiri termasuk disihir.

Perkara itu tambahnya, berlaku apabila orang yang melihat gambar tersebut menjadi mangsa kepada jerat ‘ibu’ segala sihir.

“Ramai yang hanya mengenali sihir berbentuk zahir iaitu sihir yang dilakukan oleh seseorang individu atau pelaku sihir kepada mangsa, tetapi hakikatnya

permulaan kepada segala sihir atau ibu segala sihir adalah sihir daripada syaitan.

“Sebagai contoh, apabila seseorang itu melihat gambar yang cantik. Permulaan kepada sihir yang dilakukan oleh syaitan talah menghasut dengan membulatkan perasaan dengki, mengkhayalkan, menimbulkan rasa ghairah, ingin miliki dan sebagainya.

“Bermula dengan bisikan daripada ‘ibu’ segala sihir ini mendorong seseorang itu untuk melakukan perbuatan sihir yang zahir demi memenuhi apa yang diingini tersebut,” ujarnya.

Syaitan

Beliau berkata, sihir daripada syaitan adalah lebih berbahaya berbanding segala sihir kerana ia merupakan punca kepada segala kejahanatan dan memberi kesan buruk yang berpanjangan.

Bagaimanapun katanya, tidak salah untuk memuat naik gambar di laman

SEMUDAH menggunakan talian telefon, sihir berbentuk pukauan boleh dilakukan ke atas mangsa.
- Gambar hiasan

● Sihir bukan sahaja dilakukan secara tradisional, malah pada masa kini dengan menggunakan peralatan moden seperti melalui laman sosial di Internet dan juga telefon bimbit juga ia boleh berlaku

sosial asalkan bertujuan untuk kebaikan dan bukan untuk dibanggakan.

“Jika niat kita baik iaitu bertujuan kebaikan dan bukan untuk dibanggakan seperti menyampaikan dakwah, maka tidak salah untuk memuat naik gambar di laman sosial, bahkan secara tidak langsung boleh menjadi pendidikan diri daripada kejahanatan.

“Sebaliknya, jika niat kita untuk membangga diri dengan kecantikan, riak dan takbir, sikap inilah pembuka kepada pintu kemudarat atau mendatangkan fitnah sehingga mendorong hati orang yang dendki untuk melakukan perbuatan sihir,” jelasnya.


Berkongsi pengalamannya, antara kejadian sihir membabitkan peralatan teknologi ialah dipukau dalam percakapan telefon bimbit sehingga ingin mengeluarkan sejumlah wang untuk dipindahkan kepada pelaku sihir.

“Kejadian ini berlaku kepada salah seorang rakan saya di mana dia dihubungi satu nombor yang tidak dikenali. Sejurus mengangkat panggilan tersebut, secara tidak disedari dia telah dipukau oleh pemanggil tersebut supaya memindahkan sejumlah wang ke dalam akaun yang tidak diketahui.

“Mujur, takdir Allah SWT ketika dia ingin membuat pindahan tersebut secara tiba-tiba mesin pengeluaran wang automatik (ATM) itu terputus bekalan elektrik. Dan syukur dia tersedi sebelum memindahkan wang seperti yang diminta.

“Kuasa pukau yang digunakan oleh pelaku sihir tersebut sehingga dia tidak sedar mengikut arahan bermula daripada dihubungi sehingga tiba di hadapan mesin ATM tersebut,” katanya.

Mahyuddin berkata, sudah tiba masanya satu undang-undang berkaitan sihir dilaksana di negara ini dalam usaha mengekang aktiviti sihir daripada terus berleluasa sekali gus memberi pembalasan kepada penjenayah yang melakukan sihir daripada terlepas begitu sahaja.



SIHIR daripada syaitan adalah ‘ibu’ segala sihir. - Gambar hiasan